



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 12 / 2024

MENJELANG HARI MENGUNDI
PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI
N.06 KUALA KUBU BAHARU, SELANGOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menjalankan proses semakan peralatan mengundi seperti peti undi, kertas undi, petak undi, dakwat pilihan raya dan sebagainya bagi kegunaan Hari Mengundi pada **11 Mei 2024 (Sabtu)**.
2. Proses semakan ini untuk memastikan kesemua peralatan atau kelengkapan bagi Hari Mengundi lengkap dan dalam keadaan baik. Kesemua peralatan ini diagihkan kepada Ketua-Ketua Tempat Mengundi (KTM) bagi setiap Tempat Mengundi (Saluran).
3. Seramai **760 orang petugas** akan bertugas bagi proses pengundian ini nanti. Sebanyak **lapan belas (18) Pusat Mengundi dan tujuh puluh empat (74) Saluran** akan dibuka untuk tujuan pengundian di mana seramai **39,269 orang bakal mengundi** di PRK ini.

MASA KELUAR MENGUNDI

4. Pengundi adalah dinasihatkan untuk tidak keluar mengundi pada saat-saat akhir dan digalakkan supaya keluar mengundi mengikut **Masa Keluar Mengundi Yang Digalakkan** seperti mana yang tercatat pada **aplikasi MySPR Semak**. Walau bagaimanapun, pengundi masih boleh keluar mengundi mengikut kelapangan masa dari **pukul 8:00 pagi hingga 6:00 petang ATAU mengikut waktu Pusat Mengundi diwartakan**.
5. Pengundi juga diingatkan supaya membawa **kad pengenalan** dan **catatan maklumat pengundian** serta menunjukkannya kepada Kerani Pengundian Pertama (KP1) di saluran bagi memudahkan semakan nama pengundi serta membantu kelancaran proses pengundian pada Hari Mengundi.
6. **Semakan awal maklumat pengundian** seperti **maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan** boleh dibuat melalui portal semakan di pautan **<https://mysprsemak.spr.gov.my>** atau hubungi **Hotline SPR di talian 03-8892 7218** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**.
7. Pengundi diingatkan supaya **tidak menyerahkan kad pengenalan** mereka kepada **pihak lain selain daripada petugas pilihan raya**.

8. **Para majikan diingatkan supaya membenarkan tempoh yang munasabah kepada pekerja** mereka yang berdaftar sebagai pemilih untuk keluar mengundi pada Hari Mengundi sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

TAMAT TEMPOH RASMI BERKEMPEN

9. SPR sekali lagi mengingatkan semua pihak yang bertanding bahawa tempoh rasmi berkempen akan tamat pada pukul **11.59 minit malam, 10 Mei 2024 (Jumaat)**.
10. Selepas tempoh itu berakhir, semua pihak hendaklah menghentikan sebarang bentuk aktiviti berkempen termasuk aktiviti merayu undi termasuklah di luar Pusat Mengundi dan juga melalui saluran media sosial seperti *Facebook, X (Twitter), Instagram, Tik-Tok* dan lain-lain.
11. Semua parti atau calon bertanding adalah **dilarang untuk membuka, membina atau menyelenggara barung pada Hari Mengundi** kerana perkara tersebut merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954**.

LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT DI TEMPAT MENGUNDI (SALURAN)

12. **Penggunaan telefon bimbit oleh pengundi di Saluran adalah tidak dibenarkan**. Sebagai peringatan, notis atau poster larangan penggunaan telefon bimbit akan diletakkan di luar dan di dalam Saluran.

13. SPR turut menetapkan bahawa pengundi yang membawa telefon bimbit ke Saluran perlu meletakkan telefon bimbit di tempat yang telah disediakan setelah menerima kertas undi dan mengambilnya semula setelah selesai mengundi. Pelaksanaan tatacara pengundian yang baharu ini boleh dirujuk menerusi poster **Tatacara 10 Langkah Pengundian** yang menjelaskan proses pengundian sepenuhnya. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing.

MEMAKAI BAJU ATAU MEMBAWA *MATERIAL* BERSIMBOL PARTI ATAU BERUNSUR KEMPEN CALON

14. Semua pengundi, calon dan petugas yang ingin memasuki Pusat Mengundi pada Hari Mengundi **dilarang memakai baju / topi / pelitup separuh muka (facemask) atau membawa material yang mempunyai nama / lambang/ simbol / gambar parti atau calon yang bertanding atau apa-apa bahan kempen serta sebarang tagline atau slogan kempen yang menjurus atau membawa maksud sokongan atau cenderung kepada mana-mana fahaman politik**. Kegagalan pengundi mematuhi atau melanggar peruntukan yang ditetapkan boleh menyebabkan pengundi dilarang dari memasuki Pusat Mengundi oleh petugas pilihan raya.
15. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika pilihan raya bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya serta tidak menggugat ketenteraman awam. Sebarang pelanggaran undang-undang yang berkaitan boleh dikenakan tindakan.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

10 Mei 2024 / 1 Zulkaedah 1445H